

## JENIS GAYA ASUHAN IBU BAPA, KECERDASAN EMOSI DAN HUBUNGANNYA DENGAN TINGKAH LAKU REMAJA DELINKUEN

FARAH NABILAH MOKHTAR, JASMI ABU TALIB\*, FATIN NUR AIN NURDIN DAN NURUL ATIQAH AB RAJI

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

\*Corresponding author: [jasbatrisyia2@umt.edu.my](mailto:jasbatrisyia2@umt.edu.my)

<http://doi.org/10.46754/umtjur.v5i2.383>

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Seramai 338 orang pelajar sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu telah dipilih secara persampelan bertujuan untuk terlibat dalam kajian ini. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan tiga set soal selidik iaitu soal selidik *Paulson's Perception of Parenting Scale*, soal selidik kecerdasan emosi dan soal selidik skala delinkuen. Data kajian dianalisis secara deskriptif menggunakan min dan peratusan, manakala analisis inferensi menggunakan korelasi dan regresi. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Bagi korelasi berganda pula menunjukkan gaya asuhan ibu bapa memberikan sumbangan yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen remaja, manakala kecerdasan emosi tidak memberi sumbangan secara langsung. Oleh itu, gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi remaja perlu dimantapkan lagi kerana telah terbukti bahawa kedua-dua pemboleh ubah dalam kajian ini mempunyai hubungan terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Namun, kajian lanjutan perlu dijalankan bagi mengesahkan lagi dapatan kajian ini dengan melihat perkara-perkara lain yang tidak diukur melalui kajian ini.

Kata Kunci: Gaya asuhan ibu bapa, kecerdasan emosi, tingkah laku delinkuen remaja.

## TYPES OF PARENTING STYLE, EMOTIONAL INTELLIGENCE AND THEIR RELATIONSHIP WITH DELINQUENT ADOLESCENT BEHAVIOR

**Abstract:** This study aimed to examine the relationship between parenting style and emotional intelligence towards adolescent delinquent behavior. A total of 338 secondary school students in Kuala Terengganu district were purposively selected to be involved in this study. This study was conducted quantitatively using three sets of questionnaires namely Paulson's Perception of Parenting Scale, emotional intelligence questionnaire and delinquent scale questionnaire. The data were analysed descriptively using min and percentages while correlation and regression for inferential analysis. The results of the study found that there was a significant relationship between parenting styles and emotional intelligence on adolescent delinquent behavior. For multiple correlation also revealed that the parenting style has significantly contributed towards adolescent delinquent behavior, while emotional intelligence was not directly contributed. Hence, there is the need for strengthening both parenting styles and emotional intelligence of the adolescents as it has been proven through this study that these two variables have a relationship with adolescent delinquent behavior. Also, further studies need to be carried out to validate the findings of this study by looking at other things that are not be measured in this study.

Keywords: Parenting style, emotional intelligence, adolescent delinquent behavior.

## Pengenalan dan Permasalah Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang tidak terkecuali mengalami perubahan ke arah kemodenan. Namun begitu, kerancakan kemodenan ini turut digugat oleh permasalahan modal insan iaitu keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat terutamanya remaja (Rohany, Zainah, Fatimah & Rozainee, 2010). Tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja sentiasa mendapat perhatian umum masyarakat pada masa kini. Remaja juga lebih terdedah kepada persekitaran luar dan mewujudkan pelbagai masalah sosial seperti membuli, mencuri, ponteng sekolah, dan sebagainya.

Delinkuen didefinisikan sebagai kelakuan yang melanggar norma-norma sosial yang menyebabkan remaja lebih agresif, berlaku penolakan, dan cepat marah (Rohany *et al.*, 2010). Azizi, Shahrin dan Yusof (2012) pula mendefinisikan delinkuen sebagai satu tingkah laku yang melanggar norma dan nilai hidup masyarakat dan ahli-ahlinya tidak dapat menerima perlakuan pelakunya sama ada ia dikenakan tindakan mahkamah atau tidak. Dalam situasi pendidikan di sekolah, individu yang melanggar norma ini lebih popular dikenali sebagai pelajar bermasalah disiplin (Khalim, 2014). Tingkah laku delinkuen boleh dikategorikan kepada beberapa kategori seperti tingkah laku delinkuen fizikal, tingkah laku delinkuen verbal, dan tingkah laku delinkuen anti sosial.

Statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2019 mencatatkan sebanyak 4,833 orang remaja yang terlibat dengan jenayah mengikut jenis kes dan jantina (Mariam *et al.*, 2021). Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan (JKMWPKL) merekodkan sebanyak 161 kes pada tahun 2019 iaitu sebanyak 47 kes (Januari hingga Mac), 79 kes (April hingga Jun) dan 35 kes pada bulan Julai. Kes yang paling banyak dilaporkan ialah seperti memiliki harta curi, mencuri, dadah, lumba haram, merompak, merogol, dan gengsterisme (JKMWKL, 2019). Dalam pada itu, Hasbullah, Ahmad Yusuf dan Fakhru Adabi (2020) menambah beberapa lagi

kes delinkuen remaja yang turut berlaku dalam masyarakat iaitu penzinaan, pembuangan bayi, rogol, penyalahgunaan dadah, dan khalwat. Menurut Yustisi (2019), antara penyakit sosial yang banyak berlaku kebelakangan ini ialah kenakalan remaja (*juvenile delinquency*) iaitu perilaku jahat atau kenakalan anak muda.

Raja Noraina (2019) melaporkan dalam Berita Harian Online di daerah Seremban, Negeri Sembilan umpamanya sebanyak 10,154 kes disiplin yang melibatkan pelajar sekolah telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,709 kes melibatkan kesalahan ponteng sekolah dan diikuti dengan masalah pelanggaran disiplin yang lain seperti tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri, dan vandalisme. Mohd (2017) melaporkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan 402 buah sekolah yang dikenali sebagai sekolah *hotspot*, iaitu sekolah yang mempunyai masalah tingkah laku pelajar. Sekolah *hotspot* ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu masalah disiplin (kategori 1) dan masalah disiplin serta dadah (kategori 2 & 3). Bagi negeri Selangor, sebanyak 76 buah sekolah telah dikenal pasti sebagai sekolah kategori 3.

Walaupun telah terdapat kajian yang dijalankan terhadap tingkah laku delinkuen remaja, tetapi kebanyakannya melihat hubungan antara dua pemboleh ubah tersebut secara berasingan iaitu hubungan antara gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuen dan hubungan antara gaya asuhan ibu bapa terhadap kecerdasan emosi. Masih kurang kajian yang melihat kedua-dua pemboleh ubah ini dikaji sekali ke atas tingkah laku delinkuen remaja (Rafidah, Mohd Jaladdin & Izyan, 2017; Cheung, Leung, Chung & Cheung, 2018; Lailawati *et al.*, 2018).

Justeru kajian ini dijalankan untuk mengisi lompang yang wujud terhadap kajian-kajian tingkah laku delinkuen terdahulu. Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan, maka kajian ini dijalankan bertujuan melihat hubungan gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi

terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Selain itu, kajian turut melihat faktor peramal kepada tingkah laku delinkuen remaja. Pengkaji juga melihat apakah jenis gaya asuhan, kecerdasan emosi, dan tingkah laku delinkuen yang dominan yang terdapat dalam kalangan sampel kajian.

### **Kajian Literatur**

Masalah tingkah laku delinkuen amat dipengaruhi oleh persekitaran kehidupan. Persekitaran yang terdekat dan terpenting bagi remaja ialah keluarga. Mengikut Hoffman (1996), keluarga telah membentuk personaliti seseorang sejak kecil dan terus memberikan pengaruh yang amat besar kepada tingkah laku, sikap, dan pemikiran seseorang di alam dewasa. Keterlibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen banyak dikaitkan dengan corak didikan ibu bapa. Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa Baumrind (1991) mengandaikan bahawa jenis asuhan yang diterima oleh kanak-kanak akan mempengaruhi cara mereka bertingkah laku. Menurut teori ini terdapat tiga jenis gaya asuhan yang sering dikaitkan dengan pembentukan tingkah laku iaitu gaya asuhan permisif, gaya asuhan autoritatif, dan gaya asuhan authoritarian. Ketiga-tiga jenis gaya asuhan ini mempunyai ciri-ciri tertentu yang akan memberi kesan kepada tingkah laku.

Pfenninger dan Singleton (2019) menyatakan peranan ibu bapa sebagai pendidik terawal amat mempengaruhi kemahiran menyelesaikan masalah dan tingkah laku yang positif. Sementara itu, Badruzaman (2013) pula menyatakan gaya asuhan dan tingkah laku ibu bapa sangat mempengaruhi perwatakan remaja. Kebanyakan remaja yang terlibat dengan delinkuensi terdiri daripada mereka yang tidak diterima oleh keluarga terutama apabila mereka ingin berkongsi masalah ataupun ingin meluahkan perasaan. Hasil kajian oleh Nor Hayati, Nur Azmah dan Nursuriati (2017) menunjukkan bahawa persekitaran sosial berpengaruh secara signifikan terhadap pembentukan tingkah laku sosial. Pengaruh persekitaran sosial yang tertinggi ialah ibu bapa.

Selain itu, tingkah laku delinkuen remaja ini mungkin boleh dikaitkan dengan kecerdasan emosi remaja. Menurut Siti Sarawati, Siti Aisyah dan Raja Zirwatul Aida (2021), kecerdasan emosi dilihat sebagai satu aset kekuatan mental yang membantu setiap orang mengenali dan memahami emosi sendiri dan orang lain. Menurut Matthews, Zeidner dan Roberts (2017), kecerdasan emosi adalah keupayaan seseorang untuk melihat, menyatakan, mengenali, menggunakan, dan mengurus emosi sendiri dan orang lain. Kecerdasan emosi juga dapat mengawal remaja daripada terjebak dengan perkara-perkara yang tidak sepatutnya. Khuzaimah (2012) pula menyatakan, sekiranya kecerdasan emosi adalah tinggi, ia dapat membantu mengawal bentuk-bentuk tindakan yang negatif, manakala kecerdasan emosi yang rendah mendorong ke arah perbuatan yang negatif.

Terdapat kajian yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara bagi melihat pengaruh faktor kekeluargaan dan emosi terhadap masalah tingkah laku remaja. Umpamanya Rubina Kauser dan Martin Pinguart (2016) yang telah menjalankan kajian ke atas 1,140 remaja di Pakistan bagi mengenal pasti jenis gaya asuhan ibu bapa terhadap kenakalan remaja serta hubungan antara gaya asuhan ibu dan gaya asuhan bapa dengan tingkah laku delinkuen. Hasil kajian mendapati gaya asuhan autoritatif dikaitkan dengan tahap kenakalan remaja yang rendah manakala gaya asuhan permisif dikaitkan dengan tahap tingkah laku delinkuen yang lebih tinggi. Kajian juga mendapati gaya asuhan daripada ibu menunjukkan hubungan yang lebih kuat dengan kenakalan remaja berbanding gaya asuhan daripada bapa.

Begitu juga dengan kajian oleh Uzma Kiran, Muhammad Tahir Khan Farooqi dan Shehzad Ahmad (2018) ke atas 210 orang pelajar sekolah menengah yang bertujuan melihat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku antisosial pelajar sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara cara didikan autoritatif dengan tingkah laku antisosial pelajar, tetapi tingkah

laku antisosial pelajar menunjukkan hubungan yang signifikan dengan cara didikan autoritarian dan permisif.

Badruzaman (2006) pula mendapati gaya asuhan dan tingkah laku ibu bapa sangat mempengaruhi perwatakan remaja. Kebanyakan remaja yang terlibat dengan delinkuensi terdiri daripada mereka yang tidak diterima oleh keluarga terutama apabila mereka ingin berkongsi masalah ataupun ingin meluahkan perasaan. Ini akan mengakibatkan remaja berdamping dengan rakan-rakan mereka yang mempunyai kisah yang sama seterusnya mereka melakukan sesuatu yang boleh memuaskan hati mereka dengan cara yang salah. Kajian yang dijalankan oleh V. Ramaprabou (2014) bertujuan melihat kesan persekitaran keluarga terhadap pola penyesuaian remaja. Kajian ini dijalankan terhadap 70 orang remaja pelajar sarjana muda. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat kesan yang signifikan antara persekitaran keluarga terhadap pola penyesuaian remaja.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Nor Hayati *et al.* (2017) bertujuan melihat pengaruh persekitaran sosial pelajar terhadap pembentukan tingkah laku dan kehidupan pelajar. Dapatan ini menunjukkan bahawa persekitaran sosial berpengaruh secara signifikan terhadap pembentukan tingkah laku sosial. Pengaruh persekitaran sosial yang tertinggi ialah ibu bapa. Sementara itu, Hamid Masud, Muhammad Shakil Ahmad, Ki Woong Cho dan Zainab Fakhr (2019) pula menjalankan kajian untuk melihat hubungan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja. Seramai 100 orang remaja sekolah terlibat sebagai sampel kajian. Hasil kajian menunjukkan gaya asuhan ibu bapa mempunyai kesan secara langsung kepada tingkah laku agresif kanak-kanak.

Selain daripada gaya asuhan ibu bapa, terdapat pengkaji yang cuba mengaitkan tingkah laku delinkuen remaja ini dengan kecerdasan emosi remaja. Umpamanya kajian oleh Yap Ming Hui, Koh Doh Hian, Yap Chin Choo, Tan Soon Aun dan Gan Su Wan (2019) yang melibatkan 600 orang remaja

dari Pulau Pinang, Perak, dan Johor. Kajian ini mendapati kecerdasan emosi interpersonal dan intrapersonal berkorelasi secara negatif dengan masalah tingkah laku remaja. Kajian juga mendapati kecerdasan emosi intrapersonal merupakan peramal yang signifikan kepada masalah tingkah laku remaja. Kajian oleh Siti Anisa Pabela Yunia, Liyanovitasari dan Mona Saparwati (2019) bertujuan melihat hubungan kecerdasan emosi dengan kenakalan remaja dalam kalangan 76 orang pelajar sekolah. Hasil keputusan mendapati bahawa sebanyak 34 orang responden mempunyai kecerdasan emosi yang rendah dan 43 orang responden mempunyai kenakalan remaja yang sederhana. Hasil kajian juga mendapati bahawa kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar. Kajian oleh Edobor dan Ebiye (2017) ke atas 400 orang responden di Barat pula mendapati kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen seperti buli, bergaduh, penyalahgunaan dadah, dan seks bebas.

Begitu juga kajian oleh Nurul Adibah dan Noor Aniza (2021) yang bertujuan menentukan sama ada perapatan ibu bapa dan kecerdasan emosi meramalkan tahap tingkah laku delinkuen dalam kalangan 225 orang pelajar Sekolah Henry Gurney yang berumur 16-21 tahun. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif tetapi rendah antara perapatan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang negatif tetapi rendah antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar. Analisis regresi pula menunjukkan bahawa perapatan ibu bapa dilaporkan menjadi peramal untuk tingkah laku delinkuen.

Selain itu, Rahila Riasat, Rabia Khawar, Saba Ghayas, Ambarin Fatima dan Salma Saeed (2017) pula menjalankan kajian untuk meneroka perbezaan hubungan empati, kecerdasan emosi dan tingkah laku agresif dalam kalangan remaja delinkuen dan bukan delinkuen. Responden yang terlibat adalah seramai 186 orang. Hasil kajian mendapati kedua-dua tahap empati dan

kecerdasan emosi yang rendah meningkatkan tingkah laku agresif remaja. Selain itu, kecerdasan emosi terbukti menjadi peramal yang signifikan terhadap empati. Sebahagian emosi menjadi pengantara kecerdasan emosi dan tingkah laku agresif dalam jumlah sampel. Hasil kajian juga mendapati tingkah laku delinkuen mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi iaitu kecerdasan emosi yang berada di tahap rendah akan menghasilkan tingkah laku agresif yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun hasil kajian oleh Md Noor Saper dan Emira Nurdiana (2020), yang bertujuan melihat hubungan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar ke atas 77 orang pelajar tingkatan empat dari sebuah sekolah menengah di Perak mendapati keputusan sebaliknya iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan sampel kajian.

Teori Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990) juga mengandaikan bagaimana individu menguruskan emosi mereka akan memberi kesan kepada tingkah laku mereka. Menurut teori ini, individu akan cuba menguruskan emosi mereka berdasarkan empat dimensi iaitu dimensi kemahiran sosial, dimensi empati, dimensi pengurusan emosi, dan dimensi kesedaran terhadap diri atau menyedari perasaan sendiri. Setiap dimensi ini akan memberi kesan kepada tingkah laku individu.

Walaupun ada kajian terdahulu telah dijalankan, kebanyakan kajian yang dilakukan adalah lebih berfokus kepada gaya asuhan terhadap pencapaian akademik, kerjaya, dan disiplin secara umum berbanding memfokuskan kepada tingkah laku delinkuen remaja. Begitu juga dengan kecerdasan emosi, sangat kurang kajian yang melihat hubungan antara kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Pengkaji melihat ada keperluan untuk mengkaji adakah remaja-remaja di sekolah yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen terhasil daripada kefungsi keluarga dan kelemahan kecerdasan emosi mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan

bagi mengisi kelompangan yang wujud. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa, kecerdasan emosi, dan hubungannya dengan tingkah laku delinkuen remaja. Kajian juga turut melihat faktor peramal kepada tingkah laku delinkuen remaja.

### Metodologi Kajian

Kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Reka bentuk kajian tinjauan ini dilakukan dengan mengedarkan tiga set soal selidik sebagai alat pengumpulan data, iaitu soal selidik gaya asuhan ibu bapa (*Paulson's perception of parenting scale*) oleh Paulson (1994), soal selidik kekerapan tingkah laku delinkuen (*Delinquency scale*) oleh Junger-Tas (1997), kedua-dua soal selidik ini diterjemahkan oleh Badruzaman (2006) dan soal selidik ketiga yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik kecerdasan emosi oleh Schutte *et al.* (1998) dan diterjemahkan oleh Hamidah (2013).

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Responden terdiri daripada pelajar-pelajar yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen di daerah Kuala Terengganu. Para pelajar ini terdiri daripada pelajar sekolah menengah harian asrama, pelajar sekolah berasrama penuh, pelajar sekolah menengah agama, dan pelajar sekolah menengah kebangsaan agama. Pemilihan responden yang terlibat dalam kajian ini dilakukan oleh kaunselor sekolah dan juga guru disiplin. Jenis salah laku yang dilakukan ialah ponteng sekolah, menghisap rokok, bergaduh dengan rakan-rakan, dan guru, sering tidak menyiapkan kerja sekolah dan sebagainya. Selain itu, responden yang terlibat dalam kajian ini hanya pelajar yang berumur 13, 14, dan 16 tahun.

Kajian ini dijalankan di 21 buah sekolah menengah di daerah Kuala Terengganu. Populasi kajian adalah seramai 2,876 orang pelajar, manakala sampel kajian adalah seramai 338 orang pelajar lelaki dan perempuan yang terlibat dengan masalah delinkuen di sekolah.

Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif seperti min, sisihan piawai, dan peratus digunakan untuk melihat jenis tingkah laku delinkuen, jenis emosi, dan jenis gaya asuhan yang dominan. Analisis inferensi pula digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Analisis kolerasi digunakan untuk melihat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa (autoritarian, autoritatif, dan permisif) dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen, manakala regresi pelbagai digunakan untuk melihat adakah gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi merupakan peramal kepada tingkah laku delinkuen remaja.

## Dapatan Kajian

### *Gaya Asuhan Ibu Bapa yang Dominan*

Jadual 1 menunjukkan dapatan bagi gaya asuhan ibu bapa yang dominan. Hasil kajian mendapati bahawa gaya asuhan ibu bapa jenis permisif adalah yang paling dominan berbanding autoritarian dan juga autoritatif dengan min = 24.76, s.p = 2.967 bagi gaya asuhan permisif, min = 23.82, s.p = 3.866 bagi gaya asuhan autoritatif dan min = 22.91, s.p = 3.710 bagi gaya asuhan autoritarian.

Jadual 1: Gaya asuhan ibu bapa yang dominan

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Gaya asuhan autoritarian	22.91	3.710
Gaya asuhan autoritatif	23.82	3.866
Gaya asuhan permisif	24.76	2.967

### *Kecerdasan Emosi yang Dominan*

Jadual 2 menunjukkan dapatan kecerdasan emosi yang dominan. Hasil kajian mendapati bahawa kecerdasan emosi jenis pengurusan emosi adalah paling dominan dalam kalangan

responden berbanding kesedaran sendiri, empati, dan kemahiran sosial dengan min = 35.01, s.p = 5.444 bagi pengurusan emosi, min = 32.55, s.p = 5.101 bagi kesedaran sendiri, min = 24.93, s.p = 3.972 bagi empati dan min = 22.81, s.p = 3.130 bagi kemahiran sosial.

Jadual 2: Kecerdasan emosi yang dominan

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Kesedaran sendiri	32.55	5.101
Kemahiran sosial	22.81	3.130
Pengurusan emosi	35.01	5.444
Empati	24.93	3.972

### *Kekerapan Tingkah Laku Delinkuen Remaja yang Dominan*

Jadual 3 menunjukkan tingkah laku delinkuen remaja yang dominan. Hasil kajian mendapati tingkah laku delinkuen remaja anti sosial adalah

paling dominan dalam kalangan responden berbanding tingkah laku delinkuen fizikal dan verbal dengan min = 78.10, s.p = 8.73 bagi tingkah laku delinkuen anti sosial, min = 44.11, s.p = 4.592 bagi tingkah laku delinkuen fizikal, dan min = 22.16, s.p = 2.295 bagi tingkah laku delinkuen verbal.

Jadual 3: Tingkah laku delinkuen remaja yang dominan

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Tingkah laku delinkuen fizikal	44.11	4.592
Tingkah laku delinkuen verbal	22.16	2.295
Tingkah laku delinkuen anti sosial	78.10	8.753

**Hubungan Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Kecerdasan Emosi terhadap Tingkah Laku Delinkuen Remaja.**

Keputusan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuen (Jadual 4) dengan  $r = .197$ ,  $p = .000 < 0.05$ . Walau bagaimanapun, hubungan adalah sangat lemah dengan nilai pekali kolerasi adalah

jauh dari 1. Ini bermakna gaya asuhan ibu bapa mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen remaja. Kecerdasan emosi pula menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap tingkah laku delinkuen remaja namun hubungan kolerasi sangat lemah dengan  $r = .107$ ,  $p = .049 < 0.05$ .

Jadual 4: Hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja

Pemboleh Ubah	Signifikan, P	Pearson, r	N
<b>Gaya asuhan ibu bapa</b>	.000	.197**	338
<b>Kecerdasan emosi</b>	.049	.107*	338

**Tingkah laku delinkuen remaja**

Nota: \*\* Signifikan pada aras keyakinan 0.05

\* signifikan pada aras keyakinan 0.01

**Analisis Regresi Berganda bagi Sumbangan Gaya Asuhan Ibu Bapa dan Kecerdasan Emosi terhadap Tingkah Laku Delinkuen Remaja**

Keputusan analisis regresi (Jadual 5) menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah bebas dapat menjelaskan secara signifikan sebanyak 4% varians dalam pemboleh ubah bersandar ( $R^2 = .040$ ,  $F(1,335) = 6.917$ ,  $P = .001 < 0.05$ ).

Gaya asuhan ibu bapa menunjukkan pengaruh yang signifikan ( $\beta = 0.4$ ,  $P = .002$ ) terhadap tingkah laku delinkuen, manakala, kecerdasan emosi pula menunjukkan pengaruh yang tidak signifikan terhadap tingkah laku delinkuen ( $\beta = 0.03$ ,  $P = .559$ ).

Jadual 5: Analisis regresi berganda gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate	Change Statistic			Model	Change Statistic	
					R Square	F Change	df1		df2	Sig. F Change
1	.199	0.040	0.34	14.318	.040	6.917	2	1	335	.001

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.
	B	Std. Error	Beta		
1 (constant)	111.336	9.067		12.279	.000
Gaya asuhan	.407	.130	.183	3.137	.002
Kecerdasan emosi	.034	0.58	0.34	.586	.559

### Perbincangan dan Rumusan

Tujuan utama kajian adalah untuk mengenal pasti gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi serta hubungannya dengan tingkah laku delinkuen remaja. Selain itu, kajian juga telah melihat gaya asuhan ibu bapa, tingkah laku delinkuen, dan kecerdasan emosi yang dominan dalam kalangan remaja. Dapatan kajian menunjukkan gaya asuhan ibu bapa jenis permisif merupakan gaya asuhan yang paling dominan dalam kalangan ibu bapa remaja delinkuen. Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif ialah ibu bapa yang tidak mengambil berat terhadap anak-anak dan akan melahirkan sikap kecewa dalam kalangan anak-anak. Anak-anak merasakan ibu bapa lebih mementingkan hal mereka berbanding menguruskan anak-anak (Santrock, 1972). Kecerdasan emosi yang paling dominan dalam kalangan remaja delinkuen ialah dimensi pengurusan emosi. Individu yang berkemahiran mengurus emosi mampu mengimbangkan emosi dirinya dan dapat mengendalikan ketegangan emosi yang berlaku dalam kehidupan seharian (Goleman, 1995).

Dapatan bagi tingkah laku remaja delinkuen yang dominan pula menunjukkan tingkah laku delinkuen anti sosial merupakan tingkah laku yang dominan. Tingkah laku anti sosial ini seperti merompak, salah guna dadah, buli, dan sebagainya. Dapatan ini selari dengan kenyataan Dryfoos (1990) iaitu 10% remaja berisiko terlibat dengan gejala salah laku jenayah berat seperti merompak, merogol, pecah rumah, penyalahgunaan dadah, membunuh, dan sebagainya. Selain itu, sebanyak 15% terlibat dengan salah laku kurang serius seperti pergaulan bebas, terlibat dengan video lucah, bergaduh, menyerang fizikal, meminum minuman keras, lumba haram, berjudi, dan seumpamanya, 25%

remaja berisiko sederhana iaitu terlibat dengan tingkah laku devian yang agak ringan seperti ponteng sekolah, vandalisme, mencuri, merokok, melepak, ingkar arahan guru, melawan ibu bapa, dan seumpamanya, manakala selebihnya iaitu 50% merupakan remaja berisiko rendah iaitu sama ada tidak melakukan tingkah laku devian dan anti sosial ataupun tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala negatif.

Kajian juga telah melihat hubungan antara gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku delinkuen remaja. Hasil kajian menunjukkan wujudnya hubungan yang positif antara gaya asuhan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Ini bermakna tingkah laku delinkuen remaja dipengaruhi oleh gaya asuhan ibu bapa. Ini selaras dengan andaian Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa Baumrind (1991) iaitu jenis asuhan yang diterima oleh kanak-kanak akan mempengaruhi cara mereka bertingkah laku. Menurut teori ini terdapat tiga jenis gaya asuhan yang sering dikaitkan dengan pembentukan tingkah laku remaja iaitu gaya asuhan permisif, gaya asuhan autoritatif, dan gaya asuhan authoritarian.

Ketiga-tiga jenis gaya asuhan ini mempunyai ciri-ciri tertentu yang akan memberi kesan kepada tingkah laku remaja. Contohnya, ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan authoritarian mempunyai sifat kawalan yang tinggi, tetapi kurang dalam tanggungjawab. Anak-anak yang dibentuk akan mempunyai ciri-ciri seperti berfikiran negatif, sering memberontak, pendendam, bimbang, cemas, khuatir, pendiam, pemalu, konsep diri rendah, dan kurang motivasi untuk berdikari. Mereka akan bertindak bermusuhan sekiranya dikecewakan. Gaya asuhan permisif pula merujuk kepada ibu bapa mesra dan bertanggung jawab, tetapi



lemah dalam kawalan dan akan mengakibatkan anak-anak terlalu bergantung, mempunyai permintaan yang tinggi dan impulsif. Ibu bapa yang mengamalkan gaya asuhan permisif juga tidak mengambil berat terhadap anak-anak dan akan melahirkan sikap kecewa dalam kalangan anak-anak. Mereka merasakan ibu bapa lebih mementingkan hal mereka berbanding menguruskan anak-anak (Santrock, 1972). Kekurangan kawalan daripada ibu bapa, tingkah laku agresif, dan kegagalan dalam persekolahan semasa kanak-kanak sering dikaitkan dengan gejala seks bebas, pengambilan alkohol, dan dadah semasa remaja serta tingkah laku anti sosial

Dapatan kajian ini juga selari dengan dapatan pengkaji terdahulu yang kebanyakannya mendapati tingkah laku delinkuen remaja berpunca daripada sistem kekeluargaan yang tidak berfungsi, iaitu berlaku penolakan kepada para remaja delinkuen ini (Badrulzaman, 2013; Rubina Kauser dan Martin Pinquart, 2016; Nor Hayati *et al.*, 2017; Uzma Kiran *et al.*, 2018; Hamid Masud *et al.*, 2019; Nurul Adibah *et al.*, 2021).

Bagi hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen remaja pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi terhadap tingkah laku delinkuen remaja. Dapatan ini selari dengan andaian Teori Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990) yang mengandaikan bagaimana individu itu menguruskan emosi mereka akan memberi kesan kepada tingkah laku mereka. Terdapat empat dimensi dalam menguruskan emosi menurut teori ini iaitu dimensi kemahiran sosial, dimensi empati, dimensi pengurusan emosi, dan dimensi kesedaran terhadap diri atau menyedari perasaan sendiri. Keempat-empat dimensi ini akan berinteraksi dengan keupayaan individu untuk menguruskan emosi mereka terutamanya apabila berhadapan dengan situasi luar jangka.

Menurut Khuzaimah (2012), sekiranya kecerdasan emosi adalah tinggi ia dapat membantu mengawal bentuk-bentuk tindakan yang negatif, manakala sekiranya kecerdasan

emosi adalah rendah ia mendorong ke arah perbuatan negatif dalam kalangan pelajar itu sendiri. Hasil kajian ini menyokong dapatan oleh pengkaji terdahulu yang turut mendapati kecerdasan emosi menyebabkan remaja bertingkah laku delinkuen seperti kajian oleh Siti Rahila *et al.* (2017); Anisa *et al.* (2019); Yap *et al.* (2019) dan Nurul Adibah *et al.* (2021).

Berdasarkan analisis regresi pelbagai (*stepwise*), hasil kajian menunjukkan bahawa gaya asuhan ibu bapa merupakan peramal yang signifikan kepada tingkah laku delinkuen, manakala kecerdasan emosi pula merupakan peramal yang tidak signifikan kepada tingkah laku delinkuen. Ini bermakna gaya asuhan ibu bapa merupakan peramal kepada tingkah laku delinkuen. Perkara ini memang tidak dapat dinafikan kerana ibu bapa merupakan orang yang sangat rapat dengan remaja. Hal ini bertepatan dengan hasil kajian Nor Hayati *et al.* (2017) yang mendapati persekitaran sosial berpengaruh secara signifikan terhadap pembentukan tingkah laku sosial. Pengaruh persekitaran sosial yang tertinggi pula ialah ibu bapa. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Badrulzaman (2013); Martin Pinquart (2016); Rubina Kauser dan Martin Pinquart (2016); Uzma Kiran *et al.* (2018) dan Hamid *et al.* (2019) yang turut mendapati gaya asuhan ibu bapa menyumbang kepada pembentukan tingkah laku remaja.

Dapatan ini menyokong Teori Gaya Asuhan Ibu Bapa Baumrind (1990), iaitu kelainan dalam penerapan keibubapaan dilihat memberi kesan dalam hidup anak-anak. Menurut teori ini, setiap jenis gaya asuhan yang diterima oleh remaja akan menunjukkan kesan baik atau memudaratkan perkembangan diri remaja tersebut (Baumrind, 1991).

Kajian ini mendapati bahawa perlunya peranan institusi kekeluargaan dan peningkatan emosi remaja diperteguhkan bagi membantu mengurangkan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Hal ini demikian kerana, kajian ini dan kajian terdahulu telah membuktikan bahawa institusi keluarga dan kecerdasan emosi amat mempengaruhi tingkah

laku delinkuen yang wujud dalam kalangan remaja masa kini. Ini menunjukkan bahawa peranan ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk anak-anak ke arah akhlak yang baik dan ibu bapa sendiri bertanggungjawab terhadap anak-anak mereka. Kegagalan remaja ini mendapat kasih sayang daripada keluarga menyebabkan mereka mencari penerimaan sosial daripada rakan sebaya. Walau bagaimanapun kajian lanjutan perlu dilakukan dengan melibatkan sampel kajian yang lebih ramai di samping menggabungkan kaedah temu bual dan soal selidik dalam pengumpulan data bagi mendapatkan keputusan yang lebih tepat dan dapat mengesahkan dapatan kajian ini.

Dapat dirumuskan bahawa kajian ini telah berjaya mengukuhkan lagi dapatan kajian terdahulu berkaitan dengan gaya asuhan ibu bapa dan kecerdasan emosi yang mempengaruhi tingkah laku delinkuen remaja.

## Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, Jamaluddin Ramli & Nurul Ezzati Azizi, (2012). *Penyelewengan tingkah laku remaja: Punca dan rawatan*. UTM press
- Badruzaman Baharum. (2013). *Persekitaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devians remaja di daerah Pontian, Johor* (Tesis Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia.
- Baumrind, D. (1991). The influence of parenting style on adolescent competence and substance use. *The Journal of Early Adolescence*, 11, 56-95.
- Raja Noraina Raja Rahim. (2019, Februari 18). 10,154 Kes disiplin babit pelajar tahub lalu. *Berita Harian online*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/02/532222/10154-kes-disiplin-babit-pelajar-tahun-lalu>
- Cheung, Rebecca Y. M., Leung, Man Chong, Chung, Kevin Kien Hoa, Cheung, Hoi Yan. (2018). Family risks and adolescent adjustment in Chinese contexts: Testing the mediating role of emotional intelligence. *Journal of Child and Family Studies*, 27, 3887-3896. <https://doi.org/10.1007/s10826-018-1233-y>
- Dryfoos, J. (1990). *Adolescents at risk: Prevalence and prevention*. New York: Oxford University Press.
- Edobor, O. J., & Ebiye, D. M. (2017). Emotional intelligence as predictor of delinquent behaviours among secondary school students in Port Harcourt Metropolis, River States Nigeria. *European Journal of Research and Reflection in Education Science*, 5(2), 48-59.
- Goleman, D. (1995). *Emotional intelligence: Why it can matter more than IQ*. New York: Bantam Books.
- Hamid Masud, Muhammad Shakil Ahmad, Ki Woong Cho & Zainab Fakhr. (2019). Parenting styles and aggression among young adolescents: A systematic review of literature. *Community Mental Health Journal*, 55, (1015-1030) <https://doi.org/10.1007/s10597-019-00400-0>.
- Hamidah Sulaiman, Afandy, Sutrisno Tanjung, Norfaezah, Md. Khalid, Norsafatul Aznin A. Razak & Nor Hasbuna Salleh. (2013). Kecerdasan emosi dalam meningkatkan keperibadian remaja. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 28-33. <https://juku.um.edu.my/article/view/7959>
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah* [Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya]. [http://studentsrepo.um.edu.my/5569/1/HAMIDAH\\_SULAIMAN\\_\(PHA04006\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5569/1/HAMIDAH_SULAIMAN_(PHA04006).pdf)
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(9), 75-89.

- Hoffman, L. (1996). Progress and problems in the study of adolescence. *Developmental Psychology*, 32, 777-780.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. (2015). *Kanak-kanak terlibat dengan jenayah*. Kuala Lumpur: JKMM.
- Johar, S. S., Panatik, S. A., & Raja Ibrahim, R. Z. A. (2021). Transformasi ketahanan kecerdasan emosi dalam psikologi dan tingkah laku belia. *Human Sustainability Procedia*, 1(2), 57–66. Retrieved from, <https://penerbit.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/5177>
- Junger-Tas, J. (1997). Ethics minorities and chemical justice in the Netherlands. *Crime and Justice*, 21, 257-310. <https://doi.org/10.1086/449252>
- Khalim Zainal. (2014). *Pengurusan disiplin pelajar sekolah*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khuzaimah Mustapa. (2012). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku devian dalam kalangan pelajar tingkatan empat*. UMT.
- Matthews. G., Zeidner. M., & Roberts. R. D. (2017). Emotional intelligence, health, and stress. In *The handbook of stress and health: A guide to research and practice* (1st ed.). John Wiley & Sons Ltd. <https://doi.org/10.1002/9781118993811.ch18>
- Mayer, J. D., Dipaoli, M. T., & Salovey, P. (1990). Perceiving affective content in ambiguous visual stimuli: A component of emotional intelligence. *Journal of Personality Assessment*, 54, 772-781.
- Maizatul Akmal Abu Bakar. (2007). *Perkaitan antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tingkah laku delinkuen pelajar* [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia]. Retrived februari 20, 2012 from <http://eprints.utm.my/id/eprint/6596/>
- Md Noor Saper & Emira Nurdiana Mohd Noor. (2020). Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan tingkahlaku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah. *E-Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan & Pembangunan Manusia 2020*.
- Muhammed Sharif Mustaffa, & Suria Abd Jamil. (2012). Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 6, 50-73.
- Mohd, H. (2017, August 17). Revealed: Full list of 402 Malaysian schools with disciplinary, drug issues. *New Straits Times*. Retrieved From <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/08/268913/revealed-full-list-402-malaysian-schools-disciplinary-drug-issues>
- Nor Hayati Fatmi Talib, Nur Azmah Mohamad Saleh, & Nursuriati Mohd Badli. (2017). Pengaruh persekitaran sosial terhadap peggayatan akhlak pelajar Politeknik Banting Selangor dan Kolej Komuniti Kuala Langat, Malaysia. *Sosio Budaya*, 14(2).
- Norhaniyati Muktarudin. (2011). *Hubungkait antara gaya asuhan dan gaya pembelajaran terhadap masalah sosial dan masalah pembelajaran di kalangan remaja* [Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Universiti Utara Malaysia].
- Nurul Adibah Mohd Nor, & Nor Aniza Ahmad. (2021). Parental attachment and emotional intelligence as factors influencing delinquent behaviour of Henry Gurney School students. *Malaysia Correctional Journal*, 5.
- Odiase Jerry Edobor, & Dienye Maseba Ebiye. (2017). Emotional intelligence as predictor of delinquent behaviours among secondary school students in Port Harcourt Metropolis, River States Nigeria. *European Journal of Research and Reflection in Education Science*, 5(2).
- Paulson, S. (1994). Relations of parenting style and parental involvement with ninth grade student's achievement. *Journal of Early Adolescence*, 14, 250-267.

- Pfenninger, S., & Singleton, D. (2019). A critical review of research relating to the learning, use and effects of additional and multiple languages in later life. *Language Teaching*, 52(4), 419-449. <https://doi.org/10.1017/S0261444819000235>
- Rahila Riasat, Rabia Khawar, Saba Ghayas, Ambarin Fatima, & Salma Saeed. (2017). Empathy as a mediator of relationship between emotional intelligence and aggression among juvenile delinquents and non-delinquents. *Pakistan Journal of Criminology*, 9(4), 58-77.
- Rahmat Aziz. (1999). *Hubungan antara kecerdasan emosional dengan penyesuaian diri dan kecenderungan berperilaku delinkuen pada remaja* [Tesis Ijazah Sarjana, Universitas Islam Negeri Maulanan Malik Ibrahim Malang].
- Ridhwan Saptota. (2010). Hubungan kecerdasan emosi dengan kemampuan coping adaptif. *Jurnal Psikologi*, 317(1), 13-22.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad, Rozainee Khairuddin, & Fatimah Yusoooff (2011). Depression and cognitive distortion among juvenile delinquents: Implication to rehabilitation. *The International Journal of Knowledge, Culture and Change Management*, 10, 2011.
- Rubina Kause & Martin Pinquart. (2016). Gender differences in the associations between perceived parenting styles and juvenile. *Pakistan Journal of Psychological Research*, 31(2), 549-568.
- Santrock, J. M. (1972). Relation of type and onset of father absence to cognitive development. *Child Development*, 43, 455-469.
- Schutte, H. S., Malouff, J. M., Hall, Lena E., Haggerty, D., Cooper, J. T. Golden, C., & Dornheim, Liane. (1998). Development and validation of a measure of emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 25, 167-177. [https://doi.org/10.1016/S0191-8869\(98\)00001-4](https://doi.org/10.1016/S0191-8869(98)00001-4)
- Siti Anisa Pabela Yunia, Liyanovitasari, & Mona Saparwati. (2019). Hubungan kecerdasan emosi dengan kenakalan remaja pada siswa. *Jurnal Ilmu Keperawatan Jiwa*, 2(1), 55-64.
- V. Ramaprabu. (2014). The effect of family environment on the adjustment patterns. *International Journal of Current Research and Academic Review*, 2(10).
- Yap Ming Hui, Koh Doh Hian, Yap Chin Choo, Tan Soon Aun, & Gan Su Wan. (2019). The impact of emotional intelligence on problem behaviour among adolescents in Malaysia. *The European Proceedings of Social & Behavioral Science*. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.09.6>
- Yustisi Maharani Syahadat. (2019). Perilaku khas kenakalan remaja (Juvenile Delinquency) pada siswa sekolah menengah atas. *Jurnal Kesehatan Mercusuar*, 2(2), 22-28.
- Zainuddin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(7), 115-140.